

**PUSAT SUMBER**

**FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011168

DECODING THE SPATIAL LOGIC OF TOURIST  
MOVEMENT PATTERN IN THE HISTORICAL CORE  
OF MELAKA WORLD HERITAGE SITE

JANNAHTUL 'IZZATI BINTI RAHMAN

A thesis submitted in fulfilment of the  
requirements for the award of the degree of  
Bachelor of Urban and Regional Planning

Faculty of Built Environment  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

## ABSTRAK

Pergerakan pelancong merujuk kepada corak pergerakan atau perjalanan yang dijana oleh pelancong semasa berada di dalam bandar. Di dalam bidang pelancongan, analisis ini selalunya dilakukan bagi mengenal pasti corak pergerakan pelancong di dalam konteks yang lebih kecil iaitu di dalam bangunan seperti muzium. Namun begitu, fokus kajian ini ialah untuk memahami logik ruang di sebalik corak pergerakan pelancong di dalam kawasan bandar terutamanya *bandar pelancong*. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menghubungkan teori di dalam bidang pelancongan dan teori-teori serta analisis di dalam bidang *Space Syntax*. Beberapa persoalan utama telah digariskan di dalam kajian ini antaranya ialah adakah pergerakan pelancong dipengaruhi oleh konfigurasi (*configuration*) bandar atau ianya lebih dipengaruhi oleh tarikan (*attraction*) kawasan terbabit seperti mana yang diperkenalkan di dalam *theory of natural movement*? Sejauh manakah jarak pergerakan pelancong dalam tempoh masa 30 minit pertama sebaik sahaja tiba di sesebuah kawasan dan apakah aktiviti yang dilakukan oleh mereka dalam masa 30 minit? Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai bagi mewujudkan pemahaman berkenaan corak pergerakan pelancong di dalam bandar. Antaranya ialah kajian lapangan "*people following method*" dan model "*segment map*" yang biasa digunakan di dalam bidang *Space Syntax*. Data yang diperolehi hasil daripada kajian lapangan dan analisa model kemudiannya dibincangkan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin menyumbang atau mempengaruhi corak pergerakan pelancong. Berdasarkan analisis korelasi corak pergerakan pelancong dan analisis model "*segment map*", terdapat perhubungan yang lemah di antara kedua-dua faktor ini iaitu corak pergerakan pelancong dan konfigurasi ruang/bandar (struktur jaringan jalanraya sebenar sesebuah bandar). Hal ini menunjukkan bahawa corak pergerakan pelancong di dalam kawasan kajian lebih dipengaruhi oleh tarikan (*attraction*) kawasan terbabit. Corak pergerakan yang dipengaruhi oleh tarikan (*attraction*) bermaksud hubungkait antara konfigurasi ruang (*spatial configuration*) dan pergerakan pelancong adalah lemah atau hampir tiada hubungkait. Bagi analisis jarak berkesan bagi pelancong (*'effective' distance*) pula, dalam tempoh 30 minit masa kajian, purata jarak berkesan yang direkodkan bagi setiap pelancong ialah 650 meter. Seterusnya, kajian bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelancong turut dilakukan dan dianalisis di dalam carta "*time-activity chart*". Hasil penemuan menunjukkan bahawa aktiviti yang dilakukan oleh kebanyakan pelancong boleh dikelaskan sebagai aktiviti bersiar-siar di mana mengambil gambar menjadi aktiviti utama yang dilakukan. Berdasarkan kesemua penemuan berikut, kajian ini telah memperkenalkan perspektif baru di dalam memahami corak pergerakan pelancong dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan di dalam sesebuah bandar pelancongan. Dengan itu, pemahaman ini diharapkan dapat membantu jururancang pelancongan dalam menambahbaik pelan-pelan pelancongan sedia ada. Selain itu, sebagai kajian bidang pelancongan yang pertama di Malaysia yang menggunakan teknik analisis *Space Syntax*, kajian ini mungkin dapat menjadi titik permulaan untuk membawa perspektif baru dalam bidang pelancongan selain menjadi contoh yang berguna kepada tapak-tapak warisan dunia yang lain ke arah perancangan bandar-bandar pelancongan yang lebih baik.

## ABSTRACT

Tourists' movements refer to the patterns generated by tourists while walking in or exploring an area. Tourists' movement pattern analysis has been usually done in the context of a building such as in the museum. In order to understand the spatial logic behind tourists' movement patterns in an urban area, especially in a tourist-city, this research is done by correlating tourism theories with socio-spatial theories and tools of physical-spatial analysis of Space Syntax. The researcher has lined out several important inquiries of the research such as will the movement of tourists be attraction-based or configurationally oriented as established in one of the space syntax's *theory of natural movement*? How far do tourists normally get to in the first 30 minutes of arriving at a tourist spot? And what do they do within the 30-minute survey time? Towards developing basic understanding of tourists' movement pattern in the city, the researcher has carried out a survey established in the space syntax field named *the people following method* and space syntax modelling of the segment map. *The people following method* of survey are done in the historical core of Melaka World Heritage Site by following or tracing the route of a selected number of respondents for 30 minutes time each. From the survey and modelling, high resolution data have been collected and that call for solutions. The data collected have been analysed to identify the factor/s contributing to tourists' movement patterns. The analysed patterns of tourists' movement and segment map modelling show a weak relationship between these two variables are the traced movement pattern and segment map modelling. This finding shows that tourists' movements in the study area are attraction oriented. Attraction oriented means that the relationship between spatial configuration and tourists' movements is weak or there is no significant relationship. Tourist '*effective*' distance analysis on the other hand, revealed the effective distance covered by tourist within the 30-minute survey period is an average of 650 metres. Within the 30 minutes' survey, the activities done by each tourist were also observed and represented in charts termed as *the time-activity chart*. Various kinds of activities in every minute were noted and a typical sight-seeing activity which is taking photographs appears to be the activity done the most by every tourists. From all the findings, this research has established a new perspective of understanding tourist movement patterns and their activities in a tourist-city and these understandings may help tourism planners in enhancing the existing tourism plan of the world heritage site of Melaka. Moreover, as this is likely the first tourism related research done using Space Syntax technique in Malaysia, it might be the starting point of a new perspective of tourism and the results may be useful to other world heritage sites in planning for better tourist-historic cities.